BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 10/08/10

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1930 hari Jumaat, 31 Oktober 2008

Perkembangan Monetari dan Kewangan September 2008
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Meskipun pasaran kewangan Malaysia terjejas oleh ketidakpastian dan ketidaktentuan yang semakin ketara dalam pasaran kewangan antarabangsa, pasaran kewangan domestik terus berfungsi seperti biasa dan sistem kewangan domestik mempunyai mudah tunai yang lebih daripada mencukupi.

- Institusi perbankan beroperasi dengan penampan modal dan mudah tunai yang kukuh, dan terus menyediakan pembiayaan kepada ekonomi. Nisbah modal wajaran risiko ialah 13.0% pada akhir bulan September, dan pembiayaan bersih kepada sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta terkumpul meningkat pada kadar tahunan 13.6%.

- Inflasi menjadi sederhana kepada 8.2% pada bulan September, susulan langkah Kerajaan menurunkan harga bahan api.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 10/08/10

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1930 hari Jumaat, 31 Oktober 2008

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
September 2008

Pada bulan September, pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta adalah lebih tinggi pada RM60.8 bilion, terutamanya hasil daripada terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) untuk aktiviti baharu dan pembiayaan semula. Pada asas bersih, pembiayaan kepada sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan 13.6%.

Kadar antara bank bagi semua tempoh matang adalah stabil. Kadar deposit tetap tidak berubah manakala kadar pinjaman purata bank perdagangan adalah lebih rendah pada 5.96%.

Pada tempoh 1 September hingga 30 Oktober 2008, ringgit menyusut nilai sebanyak 4.6% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS). Pengukuhan dolar AS adalah disebabkan oleh proses pembayaran balik hutang dalam pasaran kewangan antarabangsa yang menyebabkan aliran dolar AS kembali ke Amerika Syarikat. Seperti kebanyakan mata wang lain, ringgit menyusut nilai disebabkan terutamanya oleh aliran keluar portfolio. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menambah nilai berbanding dengan euro (6.3%) dan paun sterling (5.3%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-13.8%). Berbanding dengan mata wang serantau pula, ringgit menyusut nilai berbanding dengan renminbi China (-4.5%) dan baht Thailand (-3.0%) namun menambah nilai berbanding dengan semua mata wang serantau lain dalam julat 1.2% hingga 11.0%.

Inflasi menjadi sederhana kepada 8.2% pada bulan September (Ogos: 8.5%), susulan langkah Kerajaan menurunkan harga bahan api.

Wang secara luas atau M3 meningkat pada kadar tahunan 13.5% pada bulan September, mencerminkan operasi Kerajaan yang mempunyai kesan pengembangan dan juga peningkatan pemberian pinjaman oleh institusi perbankan.

Nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih sistem perbankan terus menurun kepada 2.4% pada akhir bulan September. Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) pada 13.0%.

Kadar faedah terus stabil

Pada tempoh 1 September – 30 Oktober, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 3.49% - 3.51%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif stabil.

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata bank perdagangan tidak berubah pada bulan September dan Oktober. Pada 15 Oktober, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan 1 hingga 12 bulan kekal dalam julat 3.08% dan 3.70%.

Bagi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata tidak berubah pada 6.72%, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) terus menurun kepada 5.96% pada bulan September (Ogos: 5.98%).



Kadar antara bank semalaman purata bergerak dalam julat yang kecil



Kadar antara bank lain secara relatif terus stabil



BNM menyuntik mudah tunai ke dalam pasaran antara bank pada bulan September



ALR bank perdagangan menunjukkan trend menurun



Nisbah pembiayaan-deposit dan pinjaman-deposit menurun pada bulan September memandangkan deposit bertambah pada kadar yang lebih pantas



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Ogos 08	3.08	3.14	3.28	3.36	3.70
Sep 08	3.08	3.14	3.28	3.36	3.70
15 Okt 08	3.08	3.14	3.28	3.36	3.70

Kadar FD purata tidak berubah



Kadar FD benar negatif lebih kecil berikutan inflasi yang lebih rendah

Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS

Pada tempoh 1 September hingga 30 Oktober 2008, ringgit menyusut nilai sebanyak 4.6% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS). Pengukuhan dolar AS adalah disebabkan oleh proses pembayaran balik hutang dalam pasaran kewangan antarabangsa yang menyebabkan aliran dolar AS kembali ke Amerika Syarikat. Seperti kebanyakan mata wang lain, ringgit menyusut nilai disebabkan terutamanya oleh aliran keluar portfolio. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menambah nilai berbanding dengan euro (6.3%) dan paun sterling (5.3%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-13.8%). Berbanding dengan mata wang serantau pula, ringgit menyusut nilai berbanding dengan renminbi China (-4.5%) dan baht Thailand (-3.0%) namun menambah nilai

berbanding dengan semua mata wang serantau lain dalam julat 1.2% hingga 11.0%.



Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS dan yen Jepun tetapi menambah nilai berbanding dengan euro dan paun sterling…



...dan mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 07	Ogos 08	Sep 08	30 Okt 08	Akhir Dis 07 - 30 Okt 08	Akhir Ogos 08 - 30 Okt 08
Dolar AS	3.3065	3.3895	3.4575	3.5525	-6.9	-4.6
Euro	4.8756	4.9971	4.9636	4.7007	3.7	6.3
Paun sterling	6.6070	6.2079	6.2254	5.8929	12.1	5.3
100 yen Jepun	2.9534	3.1065	3.3154	3.6055	-18.1	-13.8
Dolar Singapura	2.2938	2.3937	2.4153	2.4248	-5.4	-1.3
100 baht Thailand	9.8159	9.9152	10.154	10.217	-3.9	-3.0
100 peso Filipina	8.0158	7.3837	7.3159	7.2939	9.9	1.2
100 rupiah Indonesia	0.0352	0.0370	0.0367	0.0334	5.6	11.0
100 won Korea	0.3532	0.3116	0.2846	0.2807	25.8	11.0
Renminbi China	0.4527	0.4958	0.5051	0.5193	-12.8	-4.5

Inflasi menjadi sederhana

Inflasi menjadi sederhana kepada 8.2% pada bulan September (Ogos: 8.5%), susulan langkah Kerajaan menurunkan harga bahan api. Harga dalam kategori *pengangkutan* meningkat lebih perlahan pada kadar 18.1% pada bulan September (Ogos: 21.8%). Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman tidak beralkohol* meneruskan trend menaik, kepada 12.3% (Ogos: 11.7%) disebabkan oleh peningkatan permintaan pada musim perayaan. Inflasi dalam kategori *minuman beralkohol dan tembakau* meningkat kepada 8.4% (Ogos: 0.4%) berikutan duti eksais tambahan sebanyak 20% yang dikenakan terhadap rokok.



Inflasi menjadi sederhana kepada 8.2% pada bulan September



Inflasi harga pengeluar secara keseluruhan sederhana pada bulan Ogos

Inflasi Indeks Harga Pengeluar (IHPR) menjadi sederhana kepada 11.3% pada bulan Ogos (Julai: 14.2%). Komponen IHPR berasaskan komoditi terus menurun kepada 34.0% (Julai: 40.7%) sejajar dengan kejatuhan harga komoditi global baru-baru ini. Inflasi bagi komponen IHPR bukan berasaskan komoditi juga menurun kepada 2.6% (Julai: 3.8%) ekoran kenaikan harga yang lebih perlahan dalam kategori *minuman dan tembakau; jentera dan kelengkapan pengangkutan* serta *komoditi dan urus niaga yang tidak dikelaskan dalam mana-mana kategori*.

Dari segi komposisi, kadar inflasi dalam komponen IHPR tempatan menjadi sederhana kepada 15.0% pada bulan Ogos (Julai: 18.4%). Harga dalam komponen IHPR diimport juga meningkat pada kadar yang lebih perlahan iaitu 4.0% (Julai: 5.9%).



Agregat monetari bertambah pada bulan September

Pada bulan September, wang secara luas atau M3 bertambah sebanyak RM8.2 bilion untuk meningkat 13.5% pada kadar tahunan. Peningkatan M3 ini mencerminkan operasi Kerajaan yang mempunyai kesan pengembangan dan juga peningkatan pemberian pinjaman oleh institusi perbankan. Pengaruh lain juga meningkat berikutan urus niaga antara institusi perbankan dengan bukan pemastautin, yang sebahagiannya telah mengimbangi penguncupan dalam aset asing bersih.

M1 bertambah sebanyak RM5.1 bilion pada bulan September disebabkan oleh peningkatan permintaan terhadap wang semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri.



Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Jun 08	**Jul 08**	**Ogos 08**	**Sep 08**
M3	0.5	13.6	-8.1	8.2
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	3.2	7.9	-4.7	10.8
Tuntutan ke atas sektor swasta	9.8	7.8	16.2	8.8
Pinjaman	*9.8*	*7.7*	*12.9*	*5.1*
Sekuriti	*0.0*	*0.1*	*3.2*	*3.7*
Aset luar bersih *	-7.9	-7.9	-22.3	-27.8
Pengaruh lain	-4.7	5.7	2.7	16.4

* Sebelum penilaian semula

M3 telah disemak semula untuk mengambil kira "lain-lain deposit" bermula Disember 1999. Sebelum itu ianya tidak termasuk dalam pengiraan M3.

Deposit sistem perbankan meningkat pada bulan September

Pada bulan September, jumlah deposit dengan sistem perbankan meningkat sebanyak RM9.1 bilion atau 13.0% pada asas tahunan (Ogos: RM -7.1 bilion; 12.5%), terutamanya mencerminkan pembayaran bonus kepada kakitangan awam. Dari segi pelanggan, peningkatan penempatan deposit oleh institusi kewangan dan individu sebahagiannya telah diimbangi oleh pengurangan deposit yang ditempatkan oleh sektor perniagaan dan sektor awam. Mengikut jenis, deposit yang meningkat adalah terutamanya dalam bentuk Instrumen Deposit Boleh Niaga dan deposit tetap.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jun 08	**Jul 08**	**Ogos 08**	**Sep 08**
Kerajaan Persekutuan	-1,171	-1,801	2,435	-1,533
Kerajaan Negeri	-141	-43	799	-837
Badan Berkanun [1]	197	-825	-1,171	-305
Institusi Kewangan	-3,502	1,462	-1,441	10,998
Perusahaan Perniagaan	-1,088	9,632	-9,527	-5,528
Individu	3,802	2,793	1,507	4,701
Lain-lain [2]	4,854	-1,308	245	1,622
Jumlah	2,952	9,909	-7,152	9,118

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jun 08	**Jul 08**	**Ogos 08**	**Sep 08**
Deposit tetap	1,065	-504	691	2,390
NID	4,076	-1,747	-1,836	5,252
Deposit permintaan	5,019	-866	-778	260
Deposit tabungan	722	446	69	820
Perjanjian beli balik (Repo)	245	-142	-1,259	779
Deposit mata wang asing	2,456	466	1,889	1,080
Deposit SPI	4,077	-1,171	3,630	-1,540
Lain-lain[1]	-14,709	13,427	-9,559	78
Jumlah	2,952	9,909	-7,152	9,118

1/ Lain-lain deposit merangkumi terutamanya deposit jangka pendek

Pembiayaan kasar sektor swasta terus stabil pada bulan September

Pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta daripada sistem perbankan dan pasaran modal adalah lebih tinggi pada RM60.8 bilion pada bulan September (Ogos: RM59.1 bilion), terutamanya hasil daripada terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) untuk aktiviti baharu dan pembiayaan semula. Pada asas bersih, pembiayaan kepada sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan 13.6% (Ogos: 13.8%).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



[1] Tidak termasuk terbitan pelabur asing

Pembiayaan kasar sektor swasta terus stabil pada bulan September

Permohonan, Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman



Permohonan dan kelulusan pinjaman lebih rendah pada bulan September …

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Pertumbuhan Tahunan (%)	
	Ogos-08	Sep-08	Ogos-08	Sep-08
Jumlah				
Permohonan pinjaman	52.3	40.7	25.5	-4.4
Kelulusan pinjaman	29.1	23.4	15.4	-1.2
Pengeluaran pinjaman	55.4	55.1	14.9	9.1
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	13.0	5.3	11.0	10.6
Perusahaan perniagaan				
Permohonan pinjaman	33.1	20.8	48.4	-15.7
Kelulusan pinjaman	16.9	11.4	25.9	-14.3
Pengeluaran pinjaman	39.9	39.2	21.0	8.7
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	8.6	1.0	11.4	9.5
PKS[2/]				
Permohonan pinjaman	9.7	10.0	-1.5	2.5
Kelulusan pinjaman	4.2	3.7	-20.4	-30.4
Pengeluaran pinjaman	14.4	14.2	16.6	18.1
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.7	-0.7	13.2	11.2
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	19.2	19.9	-0.8	11.2
Kelulusan pinjaman	12.2	12.0	3.5	15.6
Pengeluaran pinjaman	15.5	15.9	1.7	10.1
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	3.1	3.6	8.7	9.1

…disebabkan oleh sektor perniagaan

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu



Pengeluaran pinjaman adalah menyeluruh

Pada bulan September, permintaan sektor isi rumah terhadap pembiayaan meningkat, seperti yang dicerminkan oleh permohonan dan kelulusan pinjaman yang lebih tinggi, khususnya untuk pembelian harta kediaman. Berikutan peningkatan pengeluaran pinjaman, pinjaman terkumpul sektor isi rumah meningkat 9.1% pada asas tahunan pada akhir bulan September (akhir Ogos: 8.7%). Pembiayaan kepada sektor perniagaan lebih rendah berikutan penurunan dalam permohonan dan kelulusan pinjaman pada asas bulanan dan tahunan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan pinjaman terkumpul sektor perniagaan mencatat peningkatan sebanyak 9.5% pada kadar tahunan (akhir Ogos: 11.4%).

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal lebih rendah

Pada bulan September, dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal berjumlah RM4.3 bilion. Dana kasar yang diperoleh dalam pasaran PDS berjumlah RM5.3 bilion, dan dana ini terutamanya diperoleh syarikat dalam sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan. Selepas membuat penyelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM1.4 bilion. Dalam sektor awam, dana bersih yang diperoleh berjumlah RM2.8 bilion. Dana-dana tersebut diperoleh melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia 20 tahun dan pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia 3 tahun.



KLCI merosot pada bulan September

Pada bulan September, KLCI ditutup lebih rendah pada 1,018.7 mata (sejak akhir Ogos: -7.4%) sejajar dengan pasaran serantau lain. Kebimbangan mengenai kemelut kewangan di pasaran AS dan Eropah yang semakin ketara, harga minyak sawit mentah yang lebih rendah dan sentimen pasaran yang lemah menyebabkan prestasi pasaran dalam negeri lebih lemah. Permodalan pasaran menurun kepada RM770.5 bilion (sejak akhir Ogos: -7.5%), sementara urus niaga purata harian merosot kepada 408.9 juta unit (Ogos: 425 juta unit).



KLCI terus menurun

Pada 30 Oktober, KLCI ditutup lebih rendah pada 853.6 mata (sejak akhir September: -16.2%). Permodalan pasaran secara keseluruhan adalah lebih

rendah pada RM647.5 bilion (sejak akhir September: -16.0%) manakala urus niaga purata harian meningkat kepada 679.2 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM379.3 bilion (bersamaan dengan USD109.7 bilion) pada 30 September. Paras rizab pada 30 September telah mengambil kira pelarasan suku tahunan penilaian semula pertukaran asing berikutan pengukuhan mata wang utama berbanding dengan ringgit pada suku ketiga. Pada 15 Oktober, rizab antarabangsa berjumlah RM371.8 bilion (bersamaan dengan USD107.6 bilion) dan paras ini memadai untuk membiayai 8.7 bulan import tertangguh dan ialah 4 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Pinjaman tak berbayar terus menurun sementara paras permodalan terus mampan

Pinjaman tak berbayar terus menurun pada bulan September. Nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih sistem perbankan menurun kepada 2.4% pada akhir bulan September disebabkan oleh kutipan semula pinjaman dan hapus kira yang berterusan. Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing pada 13.0% dan 10.5%. Penurunan kecil dalam modal asas sebanyak 0.8% adalah disebabkan terutamanya oleh pelaburan besar yang dibuat oleh sebuah institusi perbankan dalam syarikat-syarikat subsidiari.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	2000	2001	2002	2003	2004	2006	2007	Jul 08	Ogos 08	Sep 08
Modal (%) **										
Nisbah modal teras	11.1	11.1	11.1	11.4	10.7	10.7	10.2	10.6	10.6	10.5
RWCR	13.0	13.2	13.8	14.4	13.7	13.5	13.2	13.3	13.2	13.0
NPL bersih (klasifikasi 3 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	11.5	10.2	8.9	7.5	5.8	4.8	3.2	2.5	2.5	2.4
Jumlah (RM juta)	46,254	43,110	40,013	36,668	31,332	27,360	20,011	17,090	17,187	16,660
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (3 bulan, %)	2.1	2.1	2.0	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7	1.7

* Jadual ini termasuk bank-bank Islam.
** Mulai Mac 2008, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras mengambil kira institusi perbankan yang menerima pakai pendekatan standard di bawah Basel II

Permodalan sistem perbankan terus kukuh...



…dan paras NPL terus rendah



* berdasarkan klasifikasi 3 bulan

Bank Negara Malaysia
31 Oktober 2008

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Jul 08		Ogos 08		Sep 08	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		66.6	12.3	69.3	12.1	73.6	16.9
M1		175.2	15.1	174.5	13.1	179.7	14.9
M2		881.1	16.1	872.5	14.7	883.5	15.6
M3		912.7	14.1	904.6	12.8	912.8	13.5
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		940.2	12.7	933.1	12.5	942.2	13.0
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		694.5	9.9	707.5	11.0	712.7	10.6
Nisbah pinjaman-deposit (%)		72.5		74.5		74.3	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		80.2		82.3		82.2	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		43.6	11.9	52.3	25.5	40.7	-4.4
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		26.1	2.3	29.1	15.4	23.4	-1.2
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		57.6	-4.9	55.4	14.9	55.1	9.1
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		49.0	19.2	46.1	9.3	50.6	24.5
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.3		13.2		13.0	
NPL bersih: Klasifikasi 3 bulan (%)		2.5		2.5		2.4	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		408.5		400.2		379.3	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		125.1		122.6		109.7	
Bilangan bulan import tertangguh		9.7		9.5		8.9	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.50		3.50		3.50	
Antarabank:	Semalaman	3.49 [3.49]		3.49 [3.49]		3.49 [3.50]	
	Seminggu	3.51 [3.52]		3.52 [3.52]		3.52 [3.52]	
	1 bulan	3.56 [3.56]		3.56 [3.56]		3.57 [3.56]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.08		3.08		3.08	
	3 bulan	3.14		3.14		3.14	
BLR bank perdagangan		6.72		6.72		6.72	
ALR bank perdagangan		6.02		5.98		5.96	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100)		114.7	8.5	114.9	8.5	114.7	8.2
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (2000=100)		149.6	14.2	146.4	11.3	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.2630		3.3895		3.4575	
Euro		5.0859		4.9971		4.9636	
Paun Sterling		6.4642		6.2079		6.2254	
100 Yen Jepun		3.0219		3.1065		3.3154	
Dolar Singapura		2.3853		2.3937		2.4153	
100 Baht Thailand		9.730		9.9152		10.1542	
100 Peso Filipina		7.3782		7.3837		7.3159	
100 Rupiah Indonesia		0.0358		0.0370		0.0367	
100 Won Korea		0.3225		0.3116		0.2846	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	-5.7		3.5		2.8	
	swasta	1.0		3.5		1.4	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		1,163.1		1,100.5		1,018.7	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		876.1		833.5		770.5	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.